A

LAM HONG HARDWARE CO SDN BHD

lwn.

INCACON SDN BHD & YANG LAIN

B

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
MOKHTAR SIDIN HMR
ABDUL AZIZ MOHAMAD HMR
NIK HASHIM HMR
[RAYUAN SIVIL NO: P-02-703-2000]

C

2 MEI 2006

KONTRAK: *Formasi - Surat tawaran - Sama ada surat tawaran boleh diambil sebagai kontrak yang lengkap*

D

KONTRAK: *Penyerahanhak - Menyerahhak ke atas jumlah yang perlu diterima - Sama ada sipembayar tertambat dengan suratikatan penyerahanhak di mana penyerahhak tidak mendapatkan kebenaran sipembayar*

E

Responden pertama dan kedua adalah kontraktor untuk satu projek pembinaan kepunyaan responden ketiga ('projek tersebut'). Perayu telah membekalkan bahan-bahan pembinaan untuk projek tersebut dan telah menuntut daripada ketiga-tiga responden bayaran bagi harga bahan pembinaan tersebut. Perayu telah memperolehi satu perintah injunksi ke atas responden pertama bagi

F

melarang responden pertama dari menggunakan wang yang telah dibayar dan yang perlu dibayar oleh responden ketiga kepada responden pertama setakat RM1 juta. Selepas itu perayu telah memperolehi penghakiman dan perintah 'garnishment' bagi jumlah penghakiman itu.

G

Responden pertama telah dilantik sebagai kontraktor responden ketiga bagi projek tersebut melalui satu surat tawaran. Berasaskan surat tawaran itu pencelah telah meluluskan kemudahan kewangan untuk membiayai perbelanjaan responden pertama di dalam projek

H

tersebut. Satu daripada jaminan untuk kemudahan kewangan itu ialah responden pertama hendaklah menyerahkan kesemua wang yang kena dibayar oleh responden ketiga kepada responden pertama bagi projek tersebut. Surat tawaran itu tidak ada sekatan serahhak. Suratikatan serahhak antara responden pertama dengan

I

pencelah telah disempurnakan sebelum kontrak pembinaan antara responden pertama dengan responden ketiga disempurnakan. Kontrak pembinaan itu telah hanya disempurnakan oleh responden

pertama dan responden ketiga selepas itu telah mengandungi satu terma (fasal 17) di mana responden pertama dilarang menyerahhak kontrak (assignment of contract) tanpa kebenaran bertulis responden ketiga. Responden ketiga tidak pernah memberi kebenaran secara bertulis kepada responden pertama untuk menyerahhak kepada mana-mana pihak termasuk pencelah.

Akibat perintah injunksi bertarikh 24 September 1998, responden ketiga telah memberhentikan pembayaran wang kepada pencelah. Justeru, pencelah telah memohon kebenaran bagi mencelah dan supaya perintah injunksi itu dipinda di mana responden ketiga diperintahkan untuk melepaskan kepada pencelah wang yang perlu dibayar oleh responden ketiga kepada responden pertama berkenaan projek tersebut. Perayu membantah terhadap permohonan tersebut.

Diputuskan (membenarkan rayuan dengan kos)
Oleh Mokhtar Sidin HMR:

(1) Pencelah tidak mempunyai hak untuk menyatakan bahawa surat tawaran itu adalah kontrak antara responden pertama dengan responden ketiga. Banyak perkara-perkara, terma-terma dan syarat-syarat yang didapati di dalam perjanjian pembinaan tidak terdapat di dalam surat tawaran itu. Di antara lain, yang tidak terdapat di dalam surat tawaran itu ialah sebutharga dan cara-cara dan kuantum pembayaran dibuat. Ini hanya terdapat di dalam perjanjian pembinaan. Dengan itu perjanjian pembinaan adalah kontrak yang lengkap yang terpakai bagi responden pertama dan responden ketiga. (perenggan 24 & 28)

(2) Sekiranya pencelah mempunyai suratikatan serahhak yang sah dari responden pertama tetapi tidak mendapat kebenaran dari responden ketiga, responden ketiga tidak tertambat dengan suratikatan tersebut dan tidak menjejas hak responden ketiga untuk membuat bayaran kepada mereka yang berhak menerima bayaran di bawah kontrak projek tersebut. (perenggan 27)

(3) Suratikatan serahhak itu tidak sah kerana tidak mendapat kebenaran bertulis daripada responden ketiga. Fasal 17 perjanjian pembinaan jelas melarang responden pertama menyerahhak apa-apa bayaran kepada pihak ketiga tanpa kebenaran bertulis daripada responden ketiga. Dengan itu, responden ketiga tidak tertambat dengan suratikatan serahhak tersebut. (perenggan 28 & 29)

Kes-kes yang dirujuk:

Edward Tailby v. The Official Receiver (Trustee of the Property of HG Izon, a Bankrupt) [1888] 13 AC 523 ***(dirujuk)***

Helstan Securities Ltd v. Hertfordshire County Council [1978] 3 All ER 262 ***(dirujuk)***

Lee Meow Lim v. Lee Meow Nyin, Nabisco Brands (M) Sdn Bhd, Intervener [1990] 3 MLJ 123 ***(dirujuk)***

United Dominions Trust (Commercial) Ltd v. Parkway Motors Ltd [1955] 2 All ER 557 ***(dirujuk)***

Tai Choi Yu v. Syarikat Tingan Lumber Sdn Bhd [1998] 4 CLJ 293 CA ***(dirujuk)***

Tohtonku Sdn Bhd v. Superace (M) Sdn Bhd [1989] 1 CLJ 1128; [1989] 2 CLJ (Rep) 575 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Rules of the High Court 1980, O. 15 r. 6(2)
Trade Descriptions Act 1972, s. 16

Other source(s) referred to:

Chitty on Contracts, edn 26, vol 1, para 1413
RM Goode, *Legal Problems of Credit and Security*, 2nd edn, 1988, ms 123

Bagi pihak perayu - Mahinder Singh Dulku (Paramjit Singh bersamanya); T/n Salina, Lim Kim Chuan & Co
Bagi pihak responden ketiga - Ben CC Chan; T/n Lee Hishamuddin
Bagi pihak pencelah - Andrew Teh; T/n Wong Lu Peen & Tunku Alina

Reported by Amutha Suppayah

PENGHAKIMAN

Mokhtar Sidin HMR:

[1] Kami telah membenarkan rayuan oleh perayu selepas perbicaraan rayuan ini. Sekarang kami memberikan sebab-sebab mengapa kami membenarkan rayuan ini.

[2] Perayu di dalam rayuan ini adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang beralamat di No. 426, Chulia Street, Pulau Pinang. Responden pertama, juga sebuah syarikat sendirian berhad, adalah kontraktor utama untuk projek yang dikenali sebagai "Proposed Construction and Completion of Sales Office Service Centre and Warehouse on Plot 57, Jalan Perindustrian Bukit Minyak, Mukim 13, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang for UMW Corporation Sdn Bhd" ("projek tersebut"). Responden kedua, berniaga sebagai

MIW Engineering, adalah agen, pengkhidmat, orang gaji responden pertama atau sub-kontraktor projek tersebut. Responden ketiga adalah UMW Corporation Sdn Bhd iaitu pemilik projek tersebut.

[3] Di atas permintaan responden kedua, perayu telah menghantarserah bahan-bahan pembinaan keluli (selepas ini disebut sebagai "bahan pembinaan" sahaja) ke tapak projek tersebut. Butir-butir menghantarserah itu dinyatakan di dalam perenggan 7 penyata tuntutan perayu. Mengikut butiran tersebut perayu telah mula menghantar bahan pembinaan pada 30 September 1997 dan penghantaran yang terakhir ialah pada 26 November 1997. Nilai kesemua jumlah bahan pembinaan yang dihantarserah ialah RM1,165,992.73. Pada 9 Disember 1997, responden pertama telah menamatkan sub-kontraknya dengan responden kedua. Di dalam penyata tuntutannya, perayu menyatakan sungguhpun responden pertama telah menamatkan kontrak responden kedua tetapi bahan pembinaan yang dipesan dan dihantarserah di tapak projek tersebut telah digunakan oleh responden pertama untuk meneruskan pembinaan projek tersebut. Mengikut penyata tuntutan itu lagi, mengikut perjanjian, bayaran bagi bahan pembinaan yang dihantarserah hendaklah dijelaskan di dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh invois-invois dikeluarkan.

[4] Perayu di dalam penyata tuntutannya menyatakan lagi bahawa responden pertama telah bersetuju apabila kontrak responden kedua ditamatkan bahawa semua pembayaran bagi bahan pembinaan yang telah dihantarserah akan dijelaskan oleh responden pertama. Dengan pengakuan itu, perayu tidak pergi ke tapak pembinaan untuk mengambil balik bahan pembinaan yang telah dihantarserah ke tapak pembinaan yang telah dipesan oleh responden kedua. Adalah dipersetujui oleh responden kedua, salah satu syarat jualan, jika bayaran tidak dijelaskan di dalam tempoh 60 hari, faedah ke atas kelewatan membayar dikenakan pada kadar 1.5% sebulan ke atas baki yang belum dibayar. Perayu seterusnya mengakui ada menerima pembayaran sebanyak RM400,000. Dengan itu perayu menuntut daripada ketiga-tiga responden seperti berikut:

1. Jumlah wang terhutang sebanyak RM747,000.

2. Faedah pada kadar 1.5% sebulan ke atas jumlah wang sebanyak RM732,965.78 iaitu bermula pada 1 Jun 1998 sehingga tarikh penjelasan.

[5] Responden pertama di dalam penyata pembelaannya menyatakan bahawa melalui satu perjanjian bertulis bertarikh 27 February 1998, responden pertama telah dilantik oleh responden ketiga (UMW Corporation Sdn Bhd) sebagai kontraktor untuk kerja-kerja projek tersebut atas harga kontrak RM14,180,000. Untuk melaksanakan kerja-kerja di bawah projek tersebut responden pertama telah melantik responden kedua sebagai sub-kontraktor bagi sebahagian daripada kerja-kerja projek tersebut iaitu kerja-kerja struktur keluli (steel structure works) mengikut surat pemberian (letter of award) bertarikh 5 November 1997. Perlantikan responden kedua juga tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat perjanjian bertarikh 27 February 1998. Responden pertama mengakui bahawa ia mengetahui bahawa responden kedua ada memesan bahan pembinaan daripada perayu. Walau bagaimanapun, responden pertama tidak mengakui jumlah harga sebenar bahan pembinaan yang telah dihantar kepada responden kedua. Responden pertama mengakui bahawa sub-kontrak responden kedua telah ditamatkan pada 9.12.1997.

[6] Penyata pembelaan responden pertama seterusnya menyatakan setelah sub-kontrak responden kedua ditamatkan, responden pertama ada membuat pembayaran kepada responden kedua dan sehingga 25 Mac 1998 jumlah bayaran yang telah dibuat ialah RM500,500. Penyata pembelaan responden pertama menyatakan lagi, selepas penamatan sub-kontrak responden kedua, responden pertama berhak untuk menggunakan bahan pembinaan yang dihantarserah oleh perayu ke tapak projek tersebut. Responden pertama tidak mengetahui bahawa ada terma yang pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh 60 hari dari tarikh invois dikeluarkan dan sekiranya tidak dibayar faedah akan dikenakan. Responden pertama menafikan ada berjanji untuk membayar perayu bagi bahan-bahan pembinaan yang dihantarserah yang dipesan oleh responden kedua, tetapi menyatakan bahan pembinaan itu telah berpindah milik kepada mereka apabila sub-kontrak responden kedua ditamatkan

[7] Saya telah meneliti rekod rayuan dan saya mendapati responden kedua dan responden ketiga tidak ada memfailkan tuntutan pembelaan mereka.

[8] Perayu telah memperolehi satu perintah injunksi ke atas responden pertama bagi melarang responden pertama dari memindah, melepas, menggunakan, mengurangkan, mengeluarkan, berurusniaga dan lain-lain ke atas wang telah dibayar dan yang

perlu dibayar oleh responden ketiga setakat RM1 juta. Ini adalah injunksi bertarikh 24 September 1998 yang telah diberikan oleh YA Abdul Hamid Haji Mohamad, HMT (dia semasa itu). Selepas itu perayu telah memperolehi penghakiman sejumlah RM693,365.66 ke atas ketiga-tiga responden. Pada 2 Oktober 2000, perayu telah memperolehi perintah 'garnishment' bagi jumlah penghakiman yang diperolehi oleh perayu. Perintah 'garnishment' ini dikenakan daripada amaun RM1 juta yang ditahan di bawah perintah injunksi bertarikh 24 September 1998.

[9] Pada 31 Mei 1999, EON Bank Berhad telah memfailkan satu saman dalam kamar memohon perintah seperti berikut:

1. EON Bank Berhad diberikan kebenaran di bawah Aturan 15 Kaedah 6(2)(b)(ii) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi, 1980 untuk mencelah di dalam tindakan di sini, terhad kepada permohonan oleh EON Bank Berhad untuk perintah di perenggan 2 di bawah;

2. Perintah Mahkamah yang mulia ini bertarikh 24.09.1998 dipinda dan diubah di mana UMW Corporation Sdn Bhd diperintahkan untuk melepaskan kepada EON Bank Berhad wang yang perlu dibayar oleh UMW Corporation Sdn Bhd kepada Defendan Pertama berkenaan kontrak projek yang dikenali sebagai "Proposed Construction and Completion of Sales Office Service Centre and Warehouse on Plot 57, Jalan Perindustrian Bukit Minyak, Mk 13 Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang" yang dipegang oleh UMW Corporation Sdn Bhd;

[10] Permohonan ini disokong oleh afidavit yang diikrar oleh Lon Chee Fook. Afidavit itu menyatakan bahawa pencelah (EON Bank Berhad) telah membuat tawaran melalui surat bertarikh 18 Ogos 1997 kepada responden pertama satu kemudahan kewangan sebanyak RM4,060,000. Melalui surat bertarikh 8 September 1997 pencelah menyatakan jumlah tawaran di dalam surat bertarikh 18 Ogos 1997 telah dipinda kepada RM4,000,000 sahaja. Satu daripada kemudahan kewangan yang diberikan ialah untuk membiayai perbelanjaan responden pertama di dalam projek tersebut. Satu daripada jaminan untuk kemudahan kewangan itu ialah responden pertama hendaklah menyerahkan kesemua wang yang kena dibayar oleh responden ketiga kepada responden pertama bagi projek tersebut. Berasaskan tawaran tersebut, responden pertama telah menghantar satu surat bertarikh 27 Ogos 1997 kepada responden ketiga memaklumkan kemudahan

kewangan tersebut, di antaranya berkenaan pembayaran wang bagi projek tersebut. Responden ketiga tidak menjawab surat tersebut. Walaupun responden pertama tidak memperolehi persetujuan daripada responden ketiga, pada 17 September 1997 responden pertama telah menandatangani suratikatan serahhak kepada pencelah. Pencelah mengakui ada menerima sebahagian bayaran dari responden ketiga. Mulai Ogos 1998, responden ketiga telah memberhentikan pembayaran wang kepada pencelah kerana perintah injunksi bertarikh 24 September 1998 yang dinyatakan di atas. Dengan itu, pencelah telah membuat permohonan untuk mencelah.

[11] Perayu membantah permohonan pencelah untuk mencelah dan memfailkan satu afidavit menyatakan bantahannya di mana antaranya adalah seperti berikut:

1. Pencelah tidak pernah membawa ke pengetahuan perayu tentang wujudnya deed of assignment tersebut.

2. Mengikut surat responden ketiga bertarikh 10 Februari 1999 yang dikemukakan sebagai eksibit, pencelah tidak pernah mendapat kebenaran responden ketiga untuk menyerah hak bayaran kontrak tersebut kepada pencelah.

3. Pencelah tidak berhak kepada RM1 juta tersebut kerana kemudahan kewangan responden pertama dari pencelah telah dijelaskan dengan sepenuhnya (eks. EON6).

4. Pencelah harus mengemukakan jumlah yang telah dibayar kepadanya dari projek "Proposed 10 blocks (512 units) of low cost apartment (Phase 2A1) at Lot 2972, Mukim of Pulai, Johor Bahru, Johor".

5. Pencelah harus mengemukakan kepada mahkamah lain-lain kontrak yang dikatakan telah diserahhak kepadanya untuk membolehkan mahkamah membuat keputusan yang adil.

6. Wang yang perlu dibayar oleh responden pertama untuk barang-barang yang telah dijual dan dihantarserah kepadanya tidak boleh diserah hak kepada pencelah.

[12] Beberapa afidavit lagi telah difailkan oleh pencelah dan perayu untuk menunjukkan sama ada suratikatan serahhak (deed of assignment) itu sah atau tidak ataupun terpakai bagi tuntutan

perayu ke atas ketiga-tiga responden di mana penghakiman dan perintah 'garnishment' bagi jumlah penghakiman itu telah diperolehi oleh perayu.

[13] Pada 17 Januari 2000, responden ketiga telah memfailkan satu afidavit yang menyatakan suratikatan serahhak yang telah diberikan oleh responden pertama kepada pencelah adalah tidak sah kerana responden ketiga tidak pernah membenarkan responden pertama untuk menyerahhak wang di bawah kontrak projek tersebut kepada pencelah atau mana-mana pihak. Fasal 17 kontrak yang dilaksanakan di antara responden ketiga dengan responden pertama jelas menyatakan responden pertama tidak boleh menyerahhak apa-apa kewangan tanpa kebenaran bertulis daripada responden ketiga.

[14] Pencelah di dalam afidavit jawapannya menyatakan responden pertama telah dilantik sebagai kontraktor responden ketiga bagi projek tersebut apabila menerima surat tawaran bertarikh 27 Februari 1998 daripada responden ketiga. Dengan itu, sudah wujud satu kontrak antara responden pertama dengan responden ketiga sungguhpun kontrak bertulis belum disempurnakan. Berasaskan surat tawaran itu pencelah telah meluluskan kemudahan kewangan yang dinyatakan di atas. Surat tawaran itu tidak ada sekatan serahhak dan suratikatan serahhak antara responden pertama dengan pencelah telah disempurnakan sebelum kontrak pembinaan tersebut antara responden pertama dengan responden ketiga disempurnakan, maka suratikatan serahhak itu adalah sah. Larangan ke atas serahhak itu hanya terdapat di dalam kontrak pembinaan dan bukannya di dalam surat tawaran.

[15] Di dalam afidavit balasannya, responden ketiga menyatakan bahawa kontrak antara responden ketiga dengan responden pertama adalah kontrak pembinaan bertulis yang telah disempurnakan oleh kedua-dua pihak dan bukannya surat tawaran. Kontrak bertulis ini adalah satu 'standard building contract' yang disediakan oleh PAM (Pertubuhan Arkitek Malaysia). Pemakaian kontrak PAM ini adalah amalan biasa di dalam industri pembinaan bangunan. Surat tawaran bukanlah kontrak dan responden pertama tahu akan tujuan responden ketiga yang kedua-dua pihak dikehendaki menyempurnakan satu kontrak yang formal. Responden pertama juga tahu untuk menyediakan kontrak berkenaan akan mengambil masa iaitu memasukkan semua terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Di samping itu, 'drawings' dan pelan-pelan bagi berbagai-bagai peringkat aktiviti

juga perlu disediakan oleh konsultan dan hendaklah diluluskan oleh pihak-pihak yang berkuasa. 'Drawings' dan pelan-pelan perlu dimasukkan di dalam kontrak. Oleh sebab itu kontrak (articles of agreement) hanya dapat disempurnakan oleh responden pertama dan responden ketiga pada 27 Februari 1998 iaitu lebihkurang tujuh bulan selepas surat tawaran (letter of award) yang dihantar oleh responden ketiga. Apabila responden pertama menyempurnakan kontrak tersebut pada 27 Februari 1998 bermakna yang ia akan mematuhi semua terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di dalam kontrak tersebut. Salah satu daripada terma atau syarat yang terdapat di dalam kontrak tersebut ialah fasal 17 di mana responden pertama dilarang menyerahhak kontrak (assignment of contract) tanpa kebenaran secara bertulis oleh responden ketiga. Responden ketiga tidak pernah memberi kebenaran secara bertulis kepada responden pertama untuk menyerahhak kepada mana-mana pihak termasuk pencelah. Dengan itu, suratikatan serahhak yang diberikan oleh responden pertama kepada pencelah bertarikh 17 September 1997 adalah tidak sah kerana melanggar fasal 17 kontrak. Fasal 17 memperuntukkan seperti berikut:

> 17. Assignment of sub-letting
>
> (1) The Contractor shall not assign this contract or any part thereof of the obligation to carry out and the right to receive payment for any part of the Works to be carried out under this contract or the right to receive the whole or any part of the Contract Sum without the prior written consent of the Employer.
>
> (2) The Contractor shall not sub-let the whole of the Works. Except where otherwise provided by the Contract, the Contractor shall not sub-let any part of the Works without the prior written consent of the Architect (which shall not be unreasonably withheld) and such consent if given shall not relieve the Contractor from any liability or obligation under the Contract and he shall be responsible for the acts, defaults and neglects of any sub-contractor, his agents, servants or workmen as fully as if they were the acts, defaults or neglects of the Contractor, his agents, servants or workmen.

[16] Peguam perayu menyatakan bahawa YA Hakim tidak menimbangkan bahawa perayu dan responden ketiga bukanlah pihak di dalam suratikatan serahhak dan kedua-dua mereka tidak diberi salinan suratikatan serahhak yang dinyatakan. Seterusnya, untuk serahanhak responden pertama hendaklah memperolehi kebenaran bertulis sebagaimana yang dikehendaki oleh fasal 17

articles of agreement. Responden ketiga dan peguamnya telah menyatakan dengan jelas bahawa responden ketiga tidak pernah memberikan kebenaran bertulis kepada responden pertama untuk serahanhak. Dengan itu suratikatan serahhak adalah tidak sah dan tidak terpakai kepada perayu dan responden ketiga.

[17] Hakim Mahkamah Tinggi di dalam penghakiman bertulis apabila membenarkan permohonan pencelah menyatakan seperti berikut:

> Saya telah membenarkan permohonan EON Bank Bhd kerana ia ada kepentingan untuk mencelah dalam tindakan guaman ini. Plaintif adalah pembekal barangan kepada UMW Corporation Sdn Bhd dan Defendan 1 adalah kontraktor bagi projek ini. Pada 17.9.97 Defendan 1 telah menandatangani Suratikatan Penyerahanhak kepada EON Bank Bhd di mana Defendan 1 sebagai kontraktor bersetuju supaya semua wang yang kena dibayar oleh UMW Corporation Sdn Bhd kepada Defendan 1 hendaklah dibayar kepada EON Bank Bhd dan dengan suratikatan itu EON Bank Bhd telah menjadi pemilik beneficial kepada semua wang yang kena dibayar oleh UMW Corporation Sdn Bhd kepada Defendan 1. Mahkamah benarkan permohonan EON Bank Bhd 'to prevent multiplicity of actions and to enable the Court to determine disputes between all parties to them in one action and to prevent the same or substantially the same questions or issues being tried twice with possibly different results'.
>
> Plaintif membantah terhadap permohonan EON Bank Bhd kerana EON Bank Bhd bukan sahaja tiada *locus standi* tetapi EON Bank Bhd tidak berhak menerima wang dari UMW Corporation Sdn Bhd kerana EON Bank Bhd tidak pernah mendapat kebenaran dari UMW Corporation Sdn Bhd. Justeru itu suratikatan itu adalah dikatakan tidak sah dan terbatal. Saya tidak bersetuju dengan pendapat Plaintif bahawa tanpa mendapat persetujuan dari UMW Corporation Sdn Bhd, suratikatan itu tidak sah. Kontraktor boleh assign haknya kepada EON Bank untuk menerima wang dari UMW Corporation Sdn Bhd.

[18] Peguam perayu di dalam penghujahannya menyatakan bahawa suratikatan serahhak yang telah diberikan oleh responden pertama kepada pencelah adalah tidak sah. Perayu seterusnya menyatakan YA Hakim telah tersilap apabila membuat keputusan bahawa suratikatan serahhak itu adalah sah seperti yang dinyatakan di dalam penghakimannya di atas.

[19] Sebagaimana yang terdapat di dalam rekod rayuan, di Mahkamah Tinggi bukan sahaja perayu tetapi responden ketiga juga telah membantah di atas permohonan pencelah. Responden ketiga seterusnya menyatakan bahawa responden ketiga adalah pihak yang terlibat secara langsung dengan permohonan pencelah kerana suratikatan serahhak itu menghendaki responden ketiga membayar semua bayaran yang patut dibayar kepada responden pertama dibayar kepada pencelah. Sekiranya perintah yang dimohon oleh pencelah dibenarkan, ini menahan responden ketiga daripada membayar kepada pihak-pihak yang sepatutnya dibayar. Dari rekod rayuan, saya dapati responden pertama belum lagi menjelaskan bayaran kepada beberapa syarikat yang telah membekalkan barang dan bahan pembinaan bagi projek tersebut. Responden pertama tidak ada membuat peruntukan atau perkiraan untuk menjelaskan bayaran-bayaran tersebut. Malahan responden pertama sebagaimana yang dapat dilihat, telah menandatangani suratikatan serahhak dengan pencelah tanpa kebenaran responden ketiga supaya bayaran yang patut dibuat kepadanya dibayar terus kepada pencelah seolah-olah berniat tidak mahu membayar responden kedua (di mana asas tuntutan perayu) dan sub-kontraktor yang lain di mana bayaran belum dijelaskan. Saya mendapati apabila responden pertama menandatangani suratikatan serahhak itu sebelum kontrak dengan responden ketiga disempurnakan seolah-olah responden pertama telah berpakat dengan pencelah supaya pembayaran yang didapati dari kontrak tersebut kesemuanya dibayar kepada pencelah tanpa membayar sub-kontraktor membekal barang dan bahan pembinaan. Ini dikuatkan apabila responden pertama dan pencelah enggan menyatakan pinjaman sebenarnya yang diperolehi oleh responden pertama dari pencelah untuk projek tersebut.

[20] Apabila responden ketiga menyatakan yang dia tidak boleh membuat semua pembayaran di bawah projek tersebut sebagaimana yang diarah oleh responden pertama kerana responden pertama masih belum menjelaskan bayaran-bayaran yang semestinya dibayar untuk menyiapkan projek tersebut, menunjukkan banyak orang termasuk subkontraktor-subkontraktor yang telah mengadu kepada responden ketiga yang mereka belum dibayar oleh responden pertama bagi kerja-kerja yang telah disiapkan. Dengan itu, responden ketiga telah membuat peruntukan untuk membayar kesemuanya dari jumlah wang patut dibayar kepada responden pertama kerana responden ketiga menganggap suratikatan serahhak yang diperolehi oleh pencelah adalah tidak sah.

[21] Pencelah di dalam hujahannya menyatakan bahawa suratikatan serahhak adalah instrumen yang sah dan boleh dikuatkuasakan. Pencelah seterusnya menyatakan larangan yang terdapat di dalam fasal 17 articles of agreement bertarikh 27 Februari 1998 itu dilaksanakan oleh responden pertama dan responden ketiga selepas pelaksanaan suratikatan serahhak pada 17 September 1997. Suratikatan serahhak tersebut merupakan penyerahanhak mutlak keseluruhan prosid kontrak yang perlu dibayar oleh responden ketiga kepada responden pertama. Peguam pencelah seterusnya merujuk kepada *Edward Tailby v. The Official Receiver (Trustee of the Property of H.G. Izon, a Bankrupt)* [1888] 13 AC 523 untuk menguatkan penghujahannya.

[22] Adalah jelas kepada saya bahawa kes itu adalah berlainan dari kes kita sekarang. Di dalam kes tersebut tidak ada larangan bagi suratikatan serahhak. Apa yang dipertikaikan di dalam kes tersebut ialah sama ada seseorang boleh menyerahkan hak ke atas keuntungan yang akan datang di mana tidak ditentukan masa, tempat dan jumlah adalah terlalu pudar untuk disokong. (Di dalam Bahasa Inggeris 'whether the assignment of future book debts generally, without any delimitation as to time, place or amount, was too vague to be supported'). Di dalam rayuan ini sekarang terdapat larangan ke atas responden pertama untuk memasuki suratikatan serahhak tanpa kebenaran bertulis daripada responden ketiga. Dengan itu kes yang dirujuk tidak terpakai.

[23] Peguam pencelah seterusnya berhujah bahawa kebenaran daripada responden ketiga telah diperolehi. Ini didapati di ms 202-203 rekod rayuan. Ini adalah surat bertarikh 27 Ogos 1997. Saya telah meneliti surat ini dan mendapati ianya bukanlah surat kebenaran daripada responden ketiga tetapi satu surat pemberitahu kepada responden ketiga supaya bayaran yang sepatutnya dibayar kepada responden pertama hendaklah dibayar kepada pencelah. Responden ketiga mengakui membuat pembayaran pada mulanya kerana menyangkakan bahawa responden pertama akan membuat semua pembayaran melalui bank tersebut. Surat itu bukanlah suratikatan serahhak. Responden ketiga tidak ada menandatangani surat itu yang menunjukkan persetujuannya ataupun menjawab surat itu. Dengan itu, saya mendapati penghujahan pencelah adalah tidak betul kerana menyifatkan surat bertarikh 27 Ogos 1997 adalah surat kebenaran daripada responden ketiga.

A **[24]** Responden ketiga menyatakan bahawa kontrak projek tersebut adalah kontrak antara responden ketiga dengan responden pertama dan bukannya dengan pencelah. Dengan itu, pencelah bukanlah pihak kepada kontrak tersebut dan tidak berhak membuat interpretasinya sendiri ke atas kontrak tersebut. Pencelah tidak
B berhak untuk menentukan niat responden pertama dan responden ketiga apakah dokumen-dokumen yang dijadikan kontrak. Responden ketiga selanjutnya menyatakan isi kandungan letter of award dengan jelas menunjukkan niat responden pertama dan responden ketiga supaya dokumen-dokumen yang lain yang
C berkaitan dan relevan perlu dilaksanakan untuk dijadikan kontrak. Ini dinyatakan di perenggan 4 ms 1 letter of award:

> The accepted quotation, tender drawings and this Letter of Acceptance as well as additional requirements as stipulated in the following pages shall constitute a binding Contract ...

D

Letter of award juga menyatakan bahawa satu kontrak sedang disiapkan dan apabila ianya siap nanti responden pertama akan diberitahu untuk disempurnakan. Ini terdapat di perenggan terakhir letter of award:

E

> The formal contract documents are being prepared and you will be notified, in due course, when they are ready for your endorsement. ...

'Formal contract documents' yang dinyatakan itu adalah dokumen-
F dokumen yang berikut:

(a) Articles Perjanjian bertarikh 27 Februari 1998 bersama dengan terma-terma yang dilampirkan.

G (b) Lukisan-lukisan kontrak.

(c) Spesifikasi-spesifikasi.

(d) Jadual bayaran (schedule of payments).

H Semuanya ini bukan sahaja dihujahkan oleh responden ketiga di Mahkamah Tinggi tetapi juga telah diikrarkan dalam afidavit defendan ketiga. Arkitek kerja projek tersebut iaitu penulis letter of award telah mengikrarkan sama dengan responden ketiga di dalam afidavit bertarikh 6 Jun 2000. Responden ketiga juga telah
I menyempurnakan 'formal contract documents' dengan sukarelanya dan dia mengetahui inilah kontrak yang sebenar. Dengan itu, pencelah tidak mempunyai hak untuk menyatakan bahawa letter of

award adalah kontrak antara responden pertama dengan responden ketiga sedangkan responden pertama sendiri tidak pernah menyatakan letter of award itu sebagai kontrak.

[25] Responden ketiga telah menarik perhatian YA Hakim Mahkamah Tinggi bahawa articles of documents bertarikh 27 Februari 1998 itu adalah 'standard contract' yang telah dikeluarkan oleh PAM (Pertubuhan Arkitek Malaysia). Adalah menjadi amalan biasa bagi industri pembangunan kontrak yang dipakai antara pemaju dengan kontraktor ada 'standard contract'. Ini juga telah dinyatakan di perkara 3 dalam dokumen tawaran (tender) yang telah dipakai oleh responden pertama untuk mendapatkan kontrak projek tersebut.

[26] Responden ketiga seterusnya menyatakan daripada perilaku dan tindakan pencelah dan responden pertama, kedua-dua mereka tahu bahawa letter of award itu bukanlah kontrak sebenar. Kedua-dua mereka tahu perjanjian sebenar ialah articles of documents yang bertarikh 27 Februari 1998 di mana peruntukan fasal 17 dengan jelasnya melarang responden pertama menyerahhak pembayaran tanpa kebenaran bertulis dari responden ketiga. Responden pertama juga tahu berkenaan larangan ini dan di atas sebab tersebut dia telah menghantar satu surat bertarikh 27 Ogos 1997 yang dikatakan surat memohon kebenaran bertulis. Responden ketiga bukan sahaja tidak memberi kebenaran tetapi tidak menjawab surat tersebut. Apabila tidak mendapat jawapan dari responden ketiga yang menunjukkan kebenaran bertulis tidak akan diberi, pencelah telah membuat penghujahan bahawa letter of award itu adalah satu kontrak untuk memberi hak kepada pencelah ke atas bayaran yang akan dibuat oleh responden ketiga kepada responden pertama.

[27] Saya telah menunjukkan bahawa saya tidak dapat menerima penghujahan pencelah bahawa suratikatan serahhak yang diperolehinya daripada responden pertama itu sah. Pendapat saya dengan perkataan-perkataan 'interests and rights now or hereinafter' yang terdapat di dalam fasal 17 hendaklah dibaca dengan fasal 3.09 articles of documents. Fasal 3.09 menyatakan: 'The parties hereto agree that the provisions herein shall not in any way prejudice the rights of awarders under the contracts ...'. Ini menunjukkan hak responden ketiga tidak akan terjejas sungguhpun ada perjanjian di antara responden ketiga dengan mana-mana pihak menghendaki pembayaran dibayar kepada mana-mana pihak tanpa mendapat kebenaran bertulis dari responden

ketiga. Dengan itu, pada pendapat saya sekiranya pencelah mempunyai suratikatan serahhak yang sah dari responden pertama tetapi tidak mendapat kebenaran dari responden ketiga, responden ketiga tidak tertambat dengan suratikatan tersebut dan tidak menjejas hak responden ketiga untuk membuat bayaran kepada mereka yang berhak menerima bayaran di bawah kontrak projek tersebut.

[28] Saya telah meneliti letter of award dan kontrak formal iaitu articles of documents dan saya mendapati sekiranya letter of award itu jika disifatkan sebagai kontrak bukanlah kontrak yang lengkap. Banyak perkara-perkara, terma-terma dan syarat-syarat yang didapati di dalam articles of documents tidak terdapat di dalam letter of award. Di antara lain, yang tidak terdapat di dalam letter of award ialah sebutharga dan cara-cara dan kuantum pembayaran dibuat. Ini hanya terdapat di dalam articles of documents. Dengan itu articles of documents adalah kontrak yang lengkap yang terpakai bagi responden pertama dan responden ketiga. Yang penting bagi responden pertama dan pencelah ialah bayaran yang akan dibuat oleh responden ketiga. Suratikatan serahhak pencelah ialah ke atas bayaran, maka articles of documents yang terpakai dan bukannya letter of award yang tidak ada menyebut berkenaan bayaran dan cara-cara pembayaran. Dengan itu juga fasal 17 terpakai ke atas suratikatan serahhak tersebut. Dengan itu saya mendapati suratikatan serahhak itu tidak sah kerana tidak mendapat kebenaran bertulis daripada responden ketiga. Ini dinyatakan oleh *Chitty on Contracts*, edn. 26 Vol. 1 para 1413:

> If rights arising under a contract are declared by the contract to be incapable of assignment, it seems that any purported assignment will be invalid as against the debtor.

R.M. Goode dalam *Legal Problems of Credit and Security*, 2nd edn. 1988 di ms 123 menyatakan seperti berikut:

> ... It is equally clear that a contractual provision against assignment entitles the debtor to refuse to deal with the assignee and to continue making payment to the assignor, so that the assignment is not capable of taking effect as a statutory assignment. Further a purported assignment by the original creditor would place him in breach of contract and entitle the debtor to exercise any remedies for breach of contract given him by the agreement or by law. **In short, the prohibition is effective as between debtor and assignee, and if the assignee brings proceedings his claim will be dismissed.** ... (emphasis added).

Di dalam *United Dominions Trust (Commercial) Ltd v. Parkway Motors Ltd* [1955] 2 All ER 557 telah diputuskan seperti berikut:

> In the particular contract in the present case the hirer is prohibited by the terms of the contract from assigning, or purporting to assign, or attempting to assign, either the goods themselves or the benefit of this agreement. Accordingly, as it seems to me, Mr. Williams, the hirer, was unable to pass any rights in the van or any rights under the agreement to Mr. Trotter; and if he could not pass any rights to Mr. Trotter, then Mr. Trotter could not pass any rights to the defendant.

[29] Di dalam rayuan ini sekarang, fasal 17 articles of documents jelas melarang responden pertama menyerahhak apa-apa bayaran kepada pihak ketiga tanpa kebenaran bertulis daripada responden ketiga. Dengan itu, suratikatan serahhak di antara responden pertama dengan pencelah tanpa kebenaran bertulis adalah tidak sah. Dengan itu, responden ketiga tidak tertambat dengan suratikatan serahhak tersebut. Ini dikuatkan oleh peruntukan fasal 3.09 articles of documents.

[30] Peguam responden ketiga seterusnya menyatakan bahawa kali pertama responden ketiga mengetahui adanya suratikatan serahhak ialah apabila menerima surat bertarikh 7 Januari 1999 dari peguam pencelah yang kononnya mengingatkan adanya suratikatan serahhak. Peringatan ini tidak bermakna kerana suratikatan serahhak adalah tidak sah kerana melanggar peruntukan fasal 17 articles of documents dan terma-terma.

[31] Saya telah meneliti nota keterangan yang terdapat di dalam rekod rayuan dan mendapati responden pertama dan peguamnya tidak hadir semasa perbicaraan permohonan untuk mencelah. Responden pertama juga tidak ada memfailkan apa-apa afidavit ataupun penghujahan. Perlu diingat di sini bahawa pencelah memohon untuk mencelah berasaskan suratikatan serahhak oleh responden pertama. Suratikatan serahhak itu didapati sah dan ia akan menambat responden ketiga di mana pembayaran yang patut di bayar kepada responden pertama dibayar terus kepada pencelah. Hak pencelah ke atas bayaran bergantung kepada suratikatan serahhak yang kononnya dilaksanakan oleh responden pertama. Saya tidak mendapati di mana-manapun pengesahan daripada responden pertama yang dia ada melaksanakan suratikatan serahhak yang sah. Responden pertama juga tidak ada menyatakan bahawa letter of award itu adalah kontrak sebenar. Semuanya itu adalah penghujahan pencelah sahaja.

[32] Peguam perayu di mahkamah ini juga telah berhujah bahawa YA Hakim Mahkamah Tinggi telah silap apabila membenarkan permohonan pencelah untuk mencelah. Beliau seterusnya berhujah, YA Hakim Mahkamah Tinggi sepatutnya membatalkan in limine permohonan responden untuk mencelah kerana semasa permohonan itu dibuat pada 22 September 2000 telah ada satu perintah injunksi bertarikh 24 September 1998. Perintah ini diikuti dengan penghakiman muktamad yang diperolehi oleh perayu pada 9 September 1999 bagi jumlah RM693,365.66 ke atas ketiga-tiga responden. Seterusnya, perayu telah memperolehi perintah 'garnishee' bagi penghakiman tersebut dari jumlah yang ditahan di bawah perintah injunksi bertarikh 24 September 1998. Saya mendapati tidak ada rayuan ke atas perintah yang dinyatakan di atas. Selepas itu barulah pencelah membuat permohonan mencelah dan memohon wang yang ditahan di bawah perintah injunksi dibayar kepada mereka. Perayu telah merujuk kepada kes *Tai Choi Yu v. Syarikat Tingan Lumber Sdn Bhd* [1998] 4 CLJ 293. Isu di dalam kes ini ialah sama ada pemohon, seorang pemegang saham minoriti dalam sebuah syarikat (deponen) boleh mencelah dalam tindakan yang difailkan oleh plaintiff di mana penghakiman ingkar telahpun dimasukkan terhadap defendan. Lembaga pengarah defendan terlebih dahulu menerusi majoriti telah memutuskan bahawa tiada tindakan akan diambil oleh syarikat itu untuk mengenepikan penghakiman ingkar atau untuk menentang prosiding penggulungan yang difailkan terhadap defendan. Mahkamah Rayuan telah memutuskan walaupun A. 15 k. 6(2), Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 menyatakan bahawa suatu permohonan untuk mencelah boleh dibuat 'at any stage of the proceedings', ini tidak bermakna bahawa permohonan sedemikian boleh dibuat selepas penghakiman muktamad telah dimasukkan. Dalam kes ini pemohon telah membuat permohonan selepas penghakiman muktamad telah dimasukkan. Untuk memahami lebih mendalam penghakiman, elok saya merujuk kepada perkataan-perkataan sebenar Shaik Daud HMR di ms 297-298:

> Next is, when should such an application be made. Although O. 15 r. 6(2) states that such an application could be made 'at any stage of the proceedings', this does not mean that such an application can be made after final judgment had been entered. In *Shell Malaysia Trading Sdn Bhd v. Leong Yuet Yeng & Ors* [1990] 3 MLJ 254, the court held that O. 15 r. 6 only applies to proceedings where the substitution of any of the parties to the cause or matter is made before final judgment. In that case, the application was made after a default judgment had been finalised.

See also *United Asian Bank Bhd v. Personal Representative of Roshammah (decd) & Ors* [1994] 3 MLJ 327. A default judgment once perfected is a final judgment. See the case of *Wee Tiang Kheng & Ors v. Ngu Nii Soon & Ors* [1989] 1 MLJ 252, which held that a default judgment which had been perfected is a final judgment and the court there refused to exercise its discretion under O. 15 r. 6(2) of the RHC to remove the first plaintiff on the ground that he had no cause of action against the second and third defendants in the writ against whom judgment in default of defence had been entered and perfected.

In the present case, STL obtained the default judgment on 3 February 1996. The appellant took out the summons-in-chambers on 15 November 1996, by which time the judgment had been perfected and this is not denied by the appellant.

It is settled law that before the court can grant leave to intervene, the applicant must show that he has an interest directly related to the subject matter of the action. Interest here means a legal interest not a mere commercial interest. Therefore, a mere commercial interest in the outcome of the action is not sufficient. In *Sanders Lead Co Inc v. Entores Metal Brokers Ltd* [1984] 1 WLR 452, Kerr LJ in the Court of Appeal held at p 460 as follows:

> In my view, the rule requires some interest in the would-be intervener which is in some way directly related to the subject matter of the action. A mere commercial interest in its outcome, divorced from the subject matter of the action, is not enough.

This principle was applied in a number of Malaysian cases namely; *Tohtonku Sdn Bhd v. Superace (M) Sdn Bhd* [1989] 2 MLJ 298 and *Lee Meow Lim v. Lee Meow Nyin (t/a Cheong Fatt Merchant), Nabisco Brands (M) Sdn Bhd, Intervener* [1990] 3 MLJ 123 and the Federal Court case of *Eh Riyid v. Eh Tek* [1976] 1 MLJ 262.

Under these circumstances, has the appellant shown that he has a legal interest to interfere in the proceedings? Here, the NTT themselves had admitted the debt and at a Board meeting called for by the appellant himself, it was resolved by a majority that the company admit the debt and take no further step to either defend the action or oppose the winding up proceedings as they were insolvent. The appellant in his affidavit avers that he was merely a minority shareholder of NTT. The law is clear that a mere shareholder, a *fortiori*, a minority shareholder has no interest, legal or equitable, in the property of a company (see *Macaura v. Northern Assurance Co Ltd & Ors* [1925] AC 619 at p 626).

A For the aforesaid reasons, we are satisfied that the High Court was right in not exercising its discretion to grant leave to the appellant to intervene. …

[33] Di dalam kes *Lee Meow Lim v. Lee Meow Nyin (t/a Cheong Fatt Merchant), Nabisco Brands (M) Sdn Bhd, Intervener* [1990] 3 MLJ 123 di mana Eusoff Chin HMT (dia semasa itu) menyatakan di ms 125 seperti berikut:

The application to intervene is made under O. 8 r. 6(2) of the Rules of the Subordinate Courts 1980, which is similar to O. 15 C r. 6(2)(b) of the Rules of the High Court 1980.

Order 8 r. 6(2) of the Rules of the Subordinate Courts 1980 states:

> At any stage of the proceedings in any cause or matter the D Court may on such terms as it thinks just and either of its own motion or on application
>
> (b) order any person who ought to have been joined as a party or whose presence before the Court is necessary to ensure that all matters in dispute in the cause or E matter may be effectually and completely determined and adjudicated upon be added as a party.

In *Sanders Lead Co Inc v. Entores Metal Brokers Ltd*, the Court of Appeal held that a person had to have an interest directly related to the subject matter of an action before he F was entitled to intervene in the action under RSC O. 15 r. 6(2)(b)(ii). A mere commercial interest in the outcome of the action, divorced from its subject matter, such as interest of a creditor of one of the parties, was not sufficient to entitle a person to intervene.

G Nabisco is clearly a creditor of 'one of the parties', ie the respondent in the distress action. He should not have been allowed to intervene in this action.

[34] Di dalam kes *Tohtonku Sdn Bhd v. Superace (M) Sdn Bhd* H [1989] 1 CLJ 1128; [1989] 2 CLJ (Rep) 575, pemohon memperolehi *ex parte* order di bawah s. 16 Trade Descriptions Act 1972 yang membuat pengisytiharan bahawa tanda dagang pencelah (intervenor's trademark) adalah melanggar hak pemohon di atas tanda dagang yang telah didaftarkan. Pencelah telah membuat I permohonan untuk mengenepikan, membatalkan ataupun meminda perintah *ex parte*. Pemohon telah membangkitkan dua bantahan awal semasa pendengaran permohonan pencelah: (1) pencelah tidak

ada locus standi kerana ia tidak mempunyai apa-apa kepentingan di dalam perkara dan had kepentingan komersial tidak mencukupi; dan (2) oleh kerana perintah mahkamah telah dikeluarkan dengan sempurna (the order of the court had been perfected) mahkamah tidak boleh menyemak semula (review) dan pencelah hanya boleh mengambil satu tindakan yang berasingan. Wan Adnan H (dia semasa itu) menyatakan seperti berikut:

> The application for leave to intervene is made under O. 15 r. 6(2)(b)(ii) of the Rules of the High Court ...
>
> This rule is in *para materia* with O. 15 r. 6(2)(b)(ii) of the English Rules of the Supreme Court. In *Sanders Lead Co Inc v. Entores Metal Brokers Ltd* Kerr LJ said of the rule as follows:
>
> > In my view the rule requires some interest in the would-be intervener which is in some way directly related to the subject matter of the action. A mere commercial interest in its outcome, divorced from the subject matter of the action is not enough. It may be impossible, and would in any event be undesirable, to attempt to categorise the situations in which the interests of the would-be interveners are sufficient to satisfy the requirements of the rule. The authorities show that the existence of a cause of action between the intervener and one of the parties is not a necessary prerequisite for this purpose. But they also go no further than to show that there must be some direct interest in the subject matter, such as an alleged infringement of a patent, trade mark or copyright with which the intervener is concerned.
>
> In *Pegang Mining Co Ltd v. Choong Sam & Ors* the Privy Council had occasion to consider O. 16 r. 11 of the Rules of the Supreme Court 1957 which is in substantially the same terms as the present O. 15 r. 6(2)(b)(ii). Lord Diplock said:
>
> > It has been sometimes said ... that a party may be added if his legal interests will be affected by the judgment in the action but not if his commercial interests only would be affected. While their Lordships agree that the mere fact that a person is likely to be better off financially if a case is decided one way rather than another is not a sufficient ground to entitle him to be added as a party, they do not find the dichotomy between 'legal' and 'commercial' interests helpful. A better way of expressing the test is: will his rights against or liabilities to any party to the action in respect of the subject matter of the action be directly affected by any order which may be made in the action?

It was also stated in that case that:

> One of the principal objects of the rule is to enable the court to prevent injustice being done to a person whose rights will be affected by its judgment by proceeding to adjudicate upon the matter in dispute in the action without his being given an opportunity of being heard.

This principle was followed by the Federal Court in *Eh Riyid v. Eh Tek*.

> It is therefore clear that a person who wants to intervene must show that he has some interest which is directly related to the subject matter of the action. A mere commercial interest in the outcome is not enough. He will be allowed to intervene if his rights or liabilities in respect of the subject matter of the action will be directly affected by any order of the court in the action. To prevent injustice being done the court should allow a person whose rights will be affected by its judgment an opportunity of being heard.

[35] Di dalam kes *Helstan Securities Ltd v. Hertfordshire County Council* [1978] 3 All ER 262, satu majlis tempatan (county council) telah melaksanakan satu perjanjian dengan seorang kontraktor untuk kerja-kerja membaiki jalan. Di dalam perjanjian tersebut terdapat satu sekatan di mana kontraktor tidak dibenarkan menyerahkan perjanjian atau mana-mana bahagiannya atau apa-apa keuntungan atau kepentingan atau faedah di dalamnya atau di bawahnya tanpa kebenaran majlis tempatan. Kontraktor itu berada di dalam kesulitan kewangan dan tanpa kebenaran majlis tempatan, telah menyerahhak kepada plaintif jumlah wang yang dikatakan masih belum dibayar oleh majlis tempatan. Apabila plaintif gagal mendapatkan bayaran itu dari majlis tempatan, plaintif memulakan tindakan mahkamah ke atas majlis tempatan untuk mendapatkan jumlah bayaran itu. Plaintif menyatakan bahawa sungguhpun perjanjian melarang penyerahanhak kontrak dan beberapa 'chose in action' berbangkit dari perjanjian itu, ia tidak melarang penyerahanhak hutang yang berbangkit daripada perjanjian itu. Mahkamah telah memutuskan bahawa pihak-pihak yang terdapat di dalam perjanjian, perkara pokok adalah satu 'chose in action', adalah dipersetujui bahawa 'chose in action' itu tidak boleh diserahhak, apa-apa penyerahanhak yang dibuat adalah tidak sah. Hutang daripada majlis tempatan kepada kontrak adalah 'chose in action' dan satu keuntungan ataupun faedah di bawah kontrak dan

dengan itu tidak boleh diserahhak dengan sah tanpa kebenaran daripada majlis tempatan. Dengan itu majlis tempatan berhak untuk membuat bayaran.

[36] Di atas sebab-sebab yang dinyatakan, kami telah membenarkan rayuan dengan kos di sini dan di Mahkamah Tinggi. Deposit dikembalikan kepada perayu.